

TAHAP PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI MEMBACA DALAM KALANGAN KANAK-KANAK TADIKA SWASTA

THE LEVEL OF PARENTS' INVOLVEMENT IN READING ACTIVITIES AMONG CHILDREN OF PRIVATE KINDERGARTEN

Qalam Rabiah Ibrahim
Rabi'atul Adwiyah Salleh
Aziyati Zahirah Asnil Aimi
Siti Nur Fatimah Azri
Fakulti Pendidikan,
Universiti Islam Melaka

*Corresponding Author's Email: rabiah@unimel.edu.my

Article History:

Received : 7 July 2025
Revised : 20 November 2025
Published : 29 December 2025
© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Qalam, R. I., Rabi'atul Adwiyah, S., Aziyati Zahirah, A. A., & Azri, S. N. F. (2025).
TAHAP PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM AKTIVITI MEMBACA DALAM
KALANGAN KANAK-KANAK TADIKA SWASTA. *Jurnal Kesidang*, 10(1), 1-15

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca dalam kalangan kanak-kanak di TADIKA swasta. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian melibatkan 83 orang yang terdiri daripada ibu bapa kanak-kanak yang berusia antara 5 hingga 6 tahun. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22*. Kajian ini analisis deskriptif melibatkan nilai kekerapan, min dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak merangkumi aktiviti membaca, berada pada tahap sederhana dengan nilai min >2.331 iaitu $\text{Min}=2.84$, $\text{Sp}=.366$. Justeru, dapatan ini menunjukkan bahawa englibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca perlu ditingkatkan lagi bagi menyokong perkembangan yang holistik dalam diri kanak-kanak. Cadangan untuk kajian lanjutan adalah kajian terhadap hubungan antara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca dengan perkembangan literasi awal kanak-kanak.

Kata kunci: penglibatan ibu bapa, aktiviti membaca, kanak-kanak, TADIKA swasta

ABSTRACT

This study aims to identify the level of parental involvement in reading activities among children enrolled in private kindergartens. The study adopts a survey design using a quantitative approach. The sample consists of 83 respondents, comprising parents of children aged between 5 and 6 years old. A questionnaire was employed as the research instrument. Data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22. Descriptive analysis was conducted, involving frequencies, mean scores, and percentages. The findings indicate that the level of parental involvement in early childhood education, particularly in reading activities, is at a moderate level, with a mean score exceeding 2.331 ($M = 2.84$, $SD = 0.366$). These results suggest that parental involvement in reading activities needs to be further enhanced to support the holistic development of children. Therefore, future research is recommended to examine the relationship between parental involvement in reading activities and children's early literacy development.

Keywords: parent involvement, reading activities, children, private kindergartens

1.0 PENGENALAN

Ibu bapa merupakan ‘guru’ pertama bagi kanak-kanak. Setiap perbuatan dan tingkah laku awal kanak-kanak adalah hasil peniruan tingkah laku ibu bapa di rumah. Menurut Rohaty dan Elis (2011), Pendidikan Awal Kanak-Kanak mempunyai peranan penting dalam melahirkan individu yang berkualiti. Kemampuan untuk bersaing dan mempunyai kemahiran bertahan untuk menghadapi perubahan global merupakan faktor utama perkembangan secara holistik perlu dipupuk. Perkembangan literasi awal merupakan aspek kritikal dalam perkembangan kanak-kanak (Penderi, Karousou & Papanastassatou, 2023). Işitan (2025), menyatakan bahawa literasi awal terdiri daripada kesedaran fonemik, huruf, perbendaharaan kata, kefahaman lisan dan minat terhadap buku sebelum kanak-kanak dapat membaca atau menulis secara konvensional. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi tumpuan terhadap perkembangan literasi awal dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Persekolahan (KSPK) dan Program LINUS. Penggubalan kurikulum baru iaitu Kurikulum Persekolahan 2026 juga menekankan aspek-aspek perkembangan kanak-kanak termasuk perkembangan literasi awal (KPM, 2025).

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan amatlah penting dalam membina jati diri dan motivasi kepada kanak-kanak. Dalam mewujudkan pembangunan modal insan, penglibatan yang aktif dari institusi keluarga amat penting. Hal ini kerana keluarga atau lebih tepat lagi, ibu bapa merupakan individu yang paling rapat dalam diri kanak-kanak. (Silinskas, Torppa, Lerkkanen, & Nurmi, 2020). Penglibatan ibu bapa antara faktor yang menentukan pencapaian anak-anak, meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan harga diri ibu bapa, dan kualiti prasekolah (Skwarchuk, 2022).

Skwarchuk et. al., (2022), menyatakan bahawa perhatian dan sikap ambil berat ibu

bapa terhadap pendidikan kanak-kanak sangat penting dalam menjamin kecemerlangan akademik kanak-kanak. Penglibatan aktif ibu bapa untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak dan berusaha menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif dan selesa adalah sangat bermakna dalam pembangunan motivasi kanak-kanak (Anuar & Norhaidawati, 2016).

2.0 PENYATA MASALAH

Menurut Sim, Mazlina Mustafa, Antonius dan Muliayati Timbang (2024), Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 dan menerusi anjakan kesembilan dalam PPPM 2013 hingga 2025 telah menekankan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan secara meluas. Pada tahun 2025, Pelan Pendidikan Masa Depan Malaysia (PPMDM) 2026-2036 telah menggantikan PPPM 2013-2025 yang berakhir pada tahun 2025 telah membawa hasrat kerajaan dalam pembangunan kanak-kanak, penumpuan dan pelaksanaan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada seluruh Masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025). Sekiranya ibu bapa, komuniti dan sekolah berusaha berganding bahu dalam perkara ini, usaha ini adalah satu inisiatif dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkualiti untuk murid-murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025).

Menurut Sim, C. P. P., Che Mustafa, M., Antonius, A. T., dan Timbang, M. (2024), mempromosi kesaksamaan dan keterangkuman dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah penting dalam persekitaran pendidikan masa kini, dan penglibatan ibu bapa adalah faktor penting dalam kejayaan ini. Penglibatan ibu bapa adalah faktor penting dalam pembangunan kanak-kanak, terutamanya dalam perkembangan literasi (Anggraini, 2020; Solichah, 2023). Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti literasi adalah penting untuk menyokong perkembangan literasi awal kanak-kanak dalam masyarakat. Terdapat korelasi antara penglibatan ibu bapa yang lebih tinggi dalam aktiviti membaca di rumah dan tahap literasi yang lebih baik (Gallagher et al., 2025). Hal ini menunjukkan betapa pentingnya amalan membaca di rumah untuk perkembangan akademik secara keseluruhan.

Namun masih terdapat lagi ibu bapa yang kurang memberikan masa dan ruang untuk melibatkan diri dalam aktiviti kanak-kanak bukan sahaja di TADIKA ataupun TASKA, di rumah juga mereka memberikan tugas asuhan kepada 'peranti pintar' (Putri Afzan, 2015). Menurut Zainiah et. al., (2017), 10 perkataan baru sehari boleh dikuasai oleh kanak-kanak yang berumur antara 2 hingga 6 tahun. Hal ini menunjukkan mereka mampu memperoleh kosa kata antara 10,000 hingga 14,000 seawal usia 6 tahun. Namun sekiranya tidak mempunyai rangsangan yang kuat daripada individu di sekelilingnya, penguasaan kosa kata tersebut tidak akan tercapai. Silinskis et al. (2020) menyatakan bahawa aktiviti literasi formal mengutamakan elemen cetakan seperti mengajar nama huruf, bunyi, atau membaca. Ia dianggap mempunyai kaitan rapat dengan keupayaan literasi kanak-kanak. Selain itu, terdapat tiga dimensi utama penglibatan ibu bapa: amalan literasi di rumah (HLP), interaksi ibu bapa-guru (PTI) dan persekitaran literasi di rumah (HLE). Menurut Skwarchuk et al. (2022), sikap ibu bapa dan penjaga, reaksi emosi, aktiviti pembelajaran yang dilakukan bersama anak-anak dan bahan pendidikan yang disediakan semuanya mempunyai kesan

yang ketara terhadap persekitaran pembelajaran di rumah.

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti seharian kanak-kanak sangat penting dalam menjamin perkembangan yang holistik seperti yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Rohaty Mohd dan Elis Johannes H.S (2011) dalam kajiannya Parental involvement in selected private preschools in Tangerang, Indonesia, beliau mendapati bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak sangat rendah. Pelbagai faktor telah dibentangkan yang mendorong masalah kurangnya keterlibatan ibu bapa dan antaranya ialah kesibukan urusan kerja

3.0 METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian melibatkan 83 orang yang terdiri daripada ibu bapa kanak-kanak yang berusia antara 5 hingga 6 tahun. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil kajian dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22. Kajian ini analisis deskriptif melibatkan nilai kekerapan, min dan peratusan. Merujuk kepada istilah “kuantiti” membawa erti berapa banyak atau bilangan. Penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data yang numerika dan ketepatan. Kajian intervensi dan kajian bukan intervensi adalah jenis-jenis kajian kuantitatif. Kajian eksperimen adalah reka bentuk yang sesuai untuk kajian intervensi, dan kajian korelasi serta kajian tinjauan adalah reka bentuk yang sesuai untuk kajian bukan (Creswell, J.W. 2005).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menetapkan hala tuju kajian ini untuk mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca di rumah. Dalam mendapatkan data kajian, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik. Skala likert dengan menggunakan Lima Mata digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Seramai 30 orang sampel dipilih secara rawak dalam perlaksanaan kajian rintis. Selepas kajian rintis dijalankan, data dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package of the Social Science for Windows*” (SPSS versi 22) untuk melihat kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen dengan skor Cronbach Alpha. Interpretasi skor Alpha-Cronbach diadaptasi daripada Hashimah Md Yusoff, Mohd Isa Hamzah dan Shahlan Surat (2018). Interpretasi skor adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 1 Interpretasi Skor *Alpha-Cronbach*

Nilai Alpha Cronchbach (α)	Tafsiran dan Justifikasi
0.9-1.0	Sangat baik dan efektif
0.7-0.8	Baik dan diterima
0.6-0.7	Boleh diterima
< 0.6	Item perlu diperbaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Bagi konstruk soal selidik Penglibatan ibu bapa merangkumi faktor aktiviti membaca, mencatat nilai kebolehpercayaan alpha (α) adalah pada tahap baik dan diterima iaitu $\alpha = 0.797$. Semakin tinggi nilai kebolehpercayaan ralat semakin rendah dan skor yang terhasil adalah boleh dipercayai. Oleh itu, untuk meningkatkan nilai kebolehpercayaan item, pengkaji telah menggugurkan 3 item daripada konstruk seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 2 Nilai alpha (α) apabila item digugurkan

Konstruk	Item	Nilai alpha (α) jika item digugurkan
Aktiviti membaca	1 Saya membacakan buku cerita sebelum anak-anak tidur.	0.807
	3 Saya membawa anak-anak ke pusat sumber di kawasan tempat tinggal saya	0.800
	8 Saya menunjukkan tanda dan kata-kata seperti nama restoran dan tanda jalan kepada anak-anak (cth. McDonalds, Sogo, Speedmart)	0.798

Nilai Alpha-Cronbach bagi nilai kebolehpercayaan konstruk penglibatan ibu bapa adalah 0.797

Sampel kajian dipilih secara rawak yang terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak yang berumur 5 hingga 6 tahun yang bersekolah di TADIKA swasta di daerah Segamat. Menurut kiraan Jadual Penentuan Saiz Sampel, Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1997), seramai 83 orang ibu dan bapa dipilih sebagai sampel kajian.

Jadual 3 Interpretasi skor min dan tahap penglibatan ibu bapa

Skor Min	Tahap	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah	Jarang penglibatan ibu bapa dalam penilaian kemahiran bahasa dan literasi kanak-kanak
2.331 – 3.66	Sederhana	Berlaku penglibatan ibu bapa dalam penilaian kemahiran bahasa dan literasi kanak-kanak
3.661 – 5.00	Tinggi	Selalu penglibatan ibu bapa dalam penilaian kemahiran bahasa dan literasi kanak-kanak

4.0 DAPATAN KAJIAN

Maklumat demografi

Pengkaji menggunakan statistik deskriptif untuk menghuraikan ciri-ciri responden. Dalam kajian ini terdapat dua subjek yang berbeza iaitu ibu bapa penjaga dan juga kanak-kanak yang berumur 5 hingga 6 tahun. Seramai 83 orang ibu bapa dan penjaga dipilih untuk menjadi sampel kajian ini. Keputusan analisis data deskriptif diterangkan di bawah.

Jadual 4 Peratusan mengikut jantina (kanak-kanak)

Jantina	Bilangan	Peratus %
Lelaki	40	48.2
Perempuan	43	51.8
Keseluruhan	83	100.0

Jadual 4 di atas menunjukkan peratusan responden mengikut jantina. Bilangan bagi jantina lelaki ialah 40 dan peratusan sebanyak 48.2 peratus manakala bilangan bagi jantina perempuan ialah 43 dan peratusan sebanyak 51.8 peratus. Ini menunjukkan kajian ini lebih ramai responden perempuan berbanding responden lelaki.

Jadual 5 Peratusan mengikut hubungan

Hubungan	Bilangan	Peratus %
Ibu	61	73.5
Bapa	15	18.1
Penjaga	7	8.4
Keseluruhan	83	100.0

Jadual 5 di atas menunjukkan peratusan responden mengikut hubungan. Bilangan bagi ibu ialah 61 dan peratusan sebanyak 73.5 peratus manakala bilangan bagi bapa ialah 15 dan peratus sebanyak 18.1 peratus. Selain itu, penjaga 7 dan peratus sebanyak 8.4 peratus. Hal ini menunjukkan ibu adalah lebih ramai menyertai kajian ini berbanding bapa dan penjaga.

Umur	Bilangan	Peratus %
20 tahun dan ke bawah	5	6.0
21 tahun-25 tahun	15	18.1
26 tahun- 30 tahun	32	38.6

30 tahun ke atas	31	37.3
Keseluruhan	83	100.0

Jadual 6 Peratusan berdasarkan umur

Jadual 6 di atas menunjukkan peratusan responden mengikut umur. Bilangan bagi ibu bapa penjaga yang berumur 20 tahun dan ke bawah ialah 5 orang dan peratusan sebanyak 6.0 peratus manakala bilangan bagi ibu bapa penjaga yang bermur antara 21 hingga 25 tahun ialah 15 dan peratus sebanyak 18.1 peratus. Selain itu, ibu bapa penjaga yang berumur antara 26 hingga 30 tahun adalah seramai 31 orang dan peratus sebanyak 38.6 peratus. Bagi ibu bapa penjaga yang berumur 30 tahun ke atas adalah seramai 31 dan peratus sebanyak 37.3 peratus. Hal ini menunjukkan ibu bapa penjaga yang berumur antara 26 hingga 30 tahun adalah lebih ramai menyertai kajian.

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratus %
Ijazah	27	32.5
Diploma/Matrikulasi/STP	16	19.3
M		
SPM	36	43.4
PMR	3	3.6
Darjah 6	1	1.2
Keseluruhan	83	100.00

Jadual 7 Peratusan mengikut tahap pendidikan

Jadual 7 di atas menunjukkan peratusan responden mengikut tahap pendidikan. Bilangan bagi ibu bapa penjaga yang mempunyai ijazah ialah 27 orang dan peratus sebanyak 32.5

peratus manakala bilangan bagi ibu bapa penjaga yang mempunyai diploma/matrikulasi/STPM ialah 16 dan peratus sebanyak 19.1 peratus.

Selain itu, ibu bapa penjaga tahap SPM adalah seramai 36 orang dan peratus sebanyak 43.4 peratus. Bagi ibu bapa penjaga yang bersekolah hanya darjah 6 adalah seramai 1 dan peratus sebanyak 1.2 peratus. Hal ini menunjukkan ibu bapa penjaga yang hanya memperoleh SPM adalah lebih ramai menyertai kajian.

Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Aktiviti Membaca

Dapatan untuk bahagian ini adalah untuk menjawab soalan apakah tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca dalam kalangan kanak-kanak TADIKA swasta. Maklum balas responden dihuraikan secara terperinci berdasarkan item-item dalam konstruk aktiviti membaca. Dapatan analisis Min dan sisihan piawaian bagi setiap item-item seperti di bawah.

Jadual 8 Min dan Sisihan Piawaian

Item soalan	Min	Sisihan Piawaian	Tahap
Saya meluangkan masa bermain permainan yang boleh meningkatkan perkembangan bahasa seperti puzzle, kad imbasan, teka silang kata, sahibah dan sebagainya.	3.45	.873	Sederhana
Saya memberi pujian kepada anak-anak apabila anak-anak berjaya mengeja perkataan dengan tepat.	4.24	.850	Tinggi
Saya menggunakan bahasa baku apabila membacakan buku cerita kepada anak-anak.	3.75	1.103	Tinggi

Saya memberi respon yang baik apabila anak-anak memberi soalan tentang bahan bacaan yang digunakan.	4.13	.761	Tinggi
Saya menggunakan intonasi suara yang jelas dan mudah difahami semasa aktiviti membaca.	4.19	.956	Tinggi
Saya memberitahu fungsi-fungsi tanda baca kepada anak-anak (cth: koma (,), titik (.), tanda soal (?))	3.60	1.093	Sederhana
Saya memberi peluang kepada anak-anak untuk memilih bahan bacaan sendiri.	4.20	.972	Tinggi
KESELURUHAN	2.72	.477	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.6 di atas, terdapat hanya dua item yang mempunyai tahap ‘sederhana’. Item tersebut adalah ‘Saya meluangkan masa bermain permainan yang boleh meningkatkan perkembangan bahasa seperti puzzle, kad imbasan, teka silang kata, sahibah dan sebagainya’ dengan nilai (Min=3.45) dan item ‘Saya memberitahu fungsi-fungsi tanda baca kepada anak-anak (cth: koma (,), titik (.), tanda soal (?))’ dengan nilai (Min=3.60).

Manakala item-item yang lain bagi konstruk aktiviti membaca mencapai tahap yang tinggi seperti ‘Saya memberi pujian kepada anak-anak apabila anak-anak berjaya mengeja perkataan dengan tepat’ dengan nilai (Min=4.24). ‘Saya menggunakan bahasa baku apabila membacakan buku cerita kepada anak-anak’ dengan nilai (Min=3.75). Item seterusnya ‘Saya memberi respon yang baik apabila anak-anak memberi soalan tentang bahan bacaan yang digunakan’ dengan nilai (Min=4.13). ‘Saya menggunakan intonasi suara yang jelas dan mudah difahami semasa aktiviti membaca’ dengan nilai (Min=4.19). Item seterusnya yang mencapai tahap tinggi adalah ‘Saya memberi peluang kepada anak-anak untuk memilih bahan bacaan sendiri’ dengan nilai (Min=4.20)

Secara keseluruhan item-item bagi konstruk aktiviti membaca pada tahap sederhana (Min=2.72, Sp=.477). Skor min merujuk pada Jadual 3.

Frekuensi dan peratusan tahap aktiviti membaca

Jadual 9 Frekuensi dan peratusan

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	1	1.2	Rendah
2.331 – 3.66	21	25.3	Sederhan a
> 3.661	61	73.5	Tinggi

Berdasarkan Jadual 9, secara keseluruhan hasil analisis menunjukkan konstruk aktiviti membaca majoriti mencapai tahap yang tinggi iaitu seramai 61 orang ibu bapa dengan nilai 73.5 peratus.

Manakala seramai 21 orang ibu bapa dengan nilai 25.3 peratus berada pada tahap sederhana dan hanya seorang orang ibu bapa dengan nilai peratus 1.2 berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca adalah berada pada tahap sederhana (Min=2.72, Sp=.477). Skor min merujuk pada Jadual 3.

5.0 PERBINCANGAN

Perbincangan untuk bahagian ini adalah untuk menjawab soalan kajian sejauhmanakah tahap penglibatan ibu bapa dengan mengambil kira faktor aktiviti membaca, di rumah. Oleh hal yang sedemikian, pengkaji mengambil faktor tahap min dan sisihan piawai bagi soal selidik aktiviti membaca, komunikasi dan penjagaan di rumah.

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti literasi adalah penting untuk membantu perkembangan literasi awal kanak-kanak dalam masyarakat. Kajian global dan serantau mendapati bahawa penglibatan ibu bapa yang lebih besar dalam aktiviti membaca di rumah

dikaitkan dengan tahap literasi yang lebih baik (Gallagher et al., 2025), yang menunjukkan betapa pentingnya amalan membaca di rumah untuk perkembangan akademik secara keseluruhan. Slinskas et al. (2020) menyatakan bahawa aktiviti literasi formal menekankan aspek cetakan, seperti mengajar nama huruf, bunyi atau membaca. Ia dipercayai mempunyai kaitan rapat dengan keupayaan literasi kanak-kanak. Tambahan pula, terdapat tiga dimensi utama penglibatan ibu bapa: persekitaran literasi di rumah (HLE), interaksi ibu bapa-guru (PTI), dan amalan literasi di rumah (HLP). Menurut Skwarchuk et al. (2022), banyak faktor mempengaruhi persekitaran pembelajaran di rumah, termasuk sikap ibu bapa dan penjaga lain, reaksi emosi, aktiviti pembelajaran yang dilakukan bersama anak-anak, dan bahan pendidikan yang disediakan.

Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan literasi awal kanak-kanak merupakan aspek yang penting untuk diberi perhatian (Nofita Anggraini, 2020; Leyva et. al., 2024). Menurut Røe-Indregård, Rowe, Rydland, dan Zambrana (2022), ibu bapa yang memberikan maklum balas yang aktif semasa komunikasi dengan anak-anak memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan perkembangan literasi awal kanak-kanak. Kenyataan ini juga disokong oleh Sim et. al, (2024); Tan, Lyu, dan Peng (2020), menyatakan, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan merupakan salah satu faktor yang penting dalam perkembangan literasi dan pemikiran matematik kanak-kanak. Kurangnya penglibatan ibu bapa menjadi salah satu faktor guru-guru baharu di Amerika Syarikat berhenti kerja dalam masa lima tahun pertama mereka bekerja (Liu & Gao, 2022).

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran empirikal mengenai tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca dalam kalangan kanak-kanak di tadika swasta. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan ibu bapa berada pada tahap sederhana, sekali gus mencerminkan bahawa penglibatan tersebut masih belum mencapai tahap optimum dalam menyokong proses pembelajaran awal kanak-kanak. Walaupun ibu bapa menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan aktiviti membaca, keterlibatan yang sederhana ini berpotensi mengehadkan impak positif terhadap perkembangan literasi dan pembelajaran awal kanak-kanak secara menyeluruh.

Sehubungan itu, kajian ini menegaskan keperluan untuk memperkukuh peranan ibu bapa sebagai rakan strategik dalam pendidikan awal kanak-kanak, khususnya melalui pelaksanaan aktiviti membaca yang lebih konsisten dan bermakna di persekitaran rumah. Usaha bersepadu antara pihak tadika dan ibu bapa perlu dipertingkatkan bagi membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong perkembangan holistik kanak-kanak. Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti hubungan antara tahap penglibatan ibu bapa dalam aktiviti membaca dengan perkembangan literasi awal kanak-kanak, termasuk penggunaan reka bentuk kajian inferensi bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh.

Sumbangan Pengarang

Qalam, R. I., Rabi'atul Adwiyah, S., Aziyati Zahirah, A. A., & Azri, S. N. F melaksanakan penulisan pengenalan, sorotan kajian, metodologi, dapatan kajian dan kesimpulan, menjalankan perbincangan, mencadangkan teori serta isi kandungan, semakan dan suntingan draf akhir.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip

RUJUKAN

- A.B. Norsuhaily, M. Ibrahim & I. Mudassir. (2017). *Influence of Parental Education on Academic Performance of Secondary School Students in Kuala Terengganu*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 2017, Vol. 7, No. 8.
- Anggraini, N. (2020). Peranan orang tua dalam perkembangan bahasa anak usia dini. *Metafora: Jurnal Pembelajaran Bahasa dan Sastra*, 7(1), 43. DOI: 10.30595/mtf.v7i1.9741.
- Anuar Ahmad & Norhaidawati Mohd. (2016). Persekitaran Keluargadan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-Anak Jalanan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jil. 24, 109–123.
- Creswell, J.W. 2005. Educational research: Planning, conducting and Evaluating quantitative and qualitative research. Ed. Ke-2 Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Gallagher, K., Dillon, A. M., Saqr, S., Habak, C., & Alramamneh, Y. (2022). “Come back home early and read for us!” Enabling father-child shared reading in policy and practice. *Policy Design and Practice*, 5(3), 335–351.
<https://doi.org/10.1080/25741292.2022.2057139>
- Hashimah Md Yusoff, Mohd Isa Hamzah & Shahlan Surat. (2018). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Indeks Pemupukan Kreativiti Dalam Pengajaran Guru Dengan Elemen Islam (I-CFTI) Berdasarkan Pendekatan Model Rasch (*Validity And Reliability Of Creativity Fostering Index Instrument In Teacher Instruction With Islamic Elements (I-CFTI) Based On Rasch Model Approach*). *Jurnal Pendidikan Malaysia* SI 1(1) 77-88 DOI: [Http://Dx.Doi.Org/10.17576/JPEN-2018-43.03-09](http://Dx.Doi.Org/10.17576/JPEN-2018-43.03-09)
- Liu, Q., & Gao, M. (2022). Obstacles to parental involvement in children’s education: New teachers’ perceptions and strategies. *International Journal for Innovation Education and Research*, 10(2), 139–149.
<https://www.ijer.net/ijer/article/view/4384>
- Rohaty Mohd & Elis Johannes H.S (2011). Parental involvement in selected private preschools in Tangerang, Indonesia. *Bangi.Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Sim, C. P. P., Che Mustafa, M., Antonius, A. T., & Timbang, M. (2024). Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1), 400–417.

- Solichah, N., & Fardana, N. A. (2023). Analysis of parental involvement in early literacy in Malang, Indonesia. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 7(4), 4441–4450. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v7i4.4992>
- Silinskas, G., Torppa, M., Lerkkanen, M.-K., & Nurmi, J.-E. (2020). *The home literacy model in a highly transparent orthography. School Effectiveness and School Improvement*, 31(1), 80–101. <https://doi.org/10.1080/09243453.2019.1642213>
- Skwarchuk, S.-L., Douglas, H., Cahoon, A., LeFevre, J.-A., Xu, C., Roy, E., Simms, V., Wylie, J., Maloney, E. A., Osana, H. P., & Susperreguy, M. I. (2022). *Relations between the Home Learning Environment and the Literacy and Mathematics Skills of Eight-Year-Old Canadian Children*. *Education Sciences*, 12(8), Article e513. <https://doi.org/10.3390/educsci12080513>
- Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan A₀ntara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011 31-40
- Krejcie, R.V.& Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30(30): 607-6010.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2025. *Perangkaan Pendidikan Malaysia 2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. ISSN 0128 – 6757.
- Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang dan Mazlina Che Mustafa (2017). *Tahap Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak berusia 2+ Tahun*. UPSI, Tanjong Malim.